| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Klinik UPSR Pilihan Korporat** | | |
| Date | **02 May 2011** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Berita Harian** | Page No | **I-20** |
| Section | **Pendidikan** | Article Size | **434 cm$^2$** |
| Journalist | **N/A** | Color | **Full Color** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **19,120** |
| Circ / Read | **192,982 / 1,521,000** | PRValue | **57,360** |



# Klinik UPSR Pilihan Korporat

Klinik UPSR (Fasa 1) 2011 terus menjadi pilihan badan korporat terutama daripada Yayasan Bank Rakyat (YBR), Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dan Lembaga Tabung Haji Selangor menerusi Kelab TaHa. Seramai 1 209 orang murid telah menyertainya yang diadakan di tiga tempat baru-baru ini.

**PETALING JAYA** - Seminar Didik Rakyat UPSR tajaan YBR diadakan di Auditorium Maktab Kerjasama Malaysia, Jalan Templer. Seramai 254 orang calon UPSR daripada 12 sekolah sekitar Petaling Jaya menyertainya. Antara tetamu yang hadir ialah Cik Fatin Nadia Mohd Ali, Pegawai Pelajaran Daerah Petaling; Encik Zainuddin Yaacob, Ketua Bank Rakyat Wilayah Selangor; Encik Mohd Mohsin Ismail, wakil YBR dan Encik Pauzi Mamat, Pengurus Cawangan PJ State.

**SHAH ALAM** - Seramai 385 orang murid menyertai Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR Tabung Haji di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Antara sekolah yang menyertainya ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Simpang Lima, Sungai Besar; SK Sungai Leman; SK Kampung Idaman, Pelabuhan Klang; SMK Seksyen 9, Kota Damansara; SK Puchong Indah, SK Damansara Utama dan SK Meru. Selebihnya individu ahli Kelab TaHa sekitar Selangor.

**GUA MUSANG** - Seramai 274 orang murid daripada 18 buah sekolah mengikuti Seminar Bimbingan Peperiksaan UPSR anjuran Tabung Haji Cawangan Gua Musang. Klinik diadakan di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Indera Petra. Tetamu yang turut hadir ialah Encik Azmi Ahmad, Pengurus Tabung Haji cawangan Gua Musang dan Encik Mohd Zahari Osman, Pegawai Pelajaran Daerah Gua Musang.

**KEPALA BATAS** - Seramai 296 orang peserta dari sekitar Pulau Pinang mengikuti Klinik UPSR anjuran PERDA di Institut Latihan Perindustrian (ILP), Kepala Batas.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Klinik UPSR Pilihan Korporat** | | |
| Date | **02 May 2011** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Berita Harian** | Page No | **I-20** |
| Section | **Pendidikan** | Article Size | **434 $cm^2$** |
| Journalist | **N/A** | Color | **Full Color** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **19,120** |
| Circ / Read | **192,982 / 1,521,000** | PRValue | **57,360** |



Peserta Klinik UPSR anjuran PERDA di ILP, Kepala Batas. - Gambar Usman Ibrahim



Peserta Klinik UPSR anjuran Kelab TaHa Tabung Haji di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam. - Gambar Amran Hamid



Peserta Klinik UPSR anjuran Yayasan Bank Rakyat diadakan di Maktab Kerjasama Malaysia, Petaling Jaya. - Gambar Saifullizan Tamadi




Peserta Klinik UPSR bersemangat selepas mengikuti program bimbingan peperiksaan anjuran Kelab TaHa Tabung Haji di Gua Musang, baru-baru ini. - Gambar Ramli Ibrahim